

Ibu bapa tiba ke sekolah lebih awal sejak tular dakwaan kes culik

Nor Fazlina Abdul Rahim
September 29, 2022 @ 3:24pm

Pasir Mas: Segelintir ibu bapa di Kelantan masih bimbang berhubung dakwaan kes culik yang tular sejak kebelakangan ini walaupun polis sudah menafikan perkara itu.

Ada ibu bapa sanggup menunggu anak lebih awal di luar sekolah demi 'mahu mengelakkan perkara tidak diingini berlaku'.

Tinjauan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sultan Ibrahim 2 di sini, mendapati perkarangan luar sekolah sesak dengan kenderaan ibu bapa yang menunggu anak masing-masing.

Seawal jam 12.30 tengah hari, ibu bapa sudah menunggu di luar pagar sekolah sedangkan murid pulang jam 12.45 tengah hari.

Ibu yang hanya mahu dikenali sebagai Mariah, 44, berkata, surat pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak sekolah berhubung peringatan kes culik sedikit sebanyak memberi kesan kepada dirinya.

"Beberapa hari lalu, saya membaca surat dalam kumpulan aplikasi WhatsApp sekolah anak memaklumkan perkara itu selain banyak yang tular mengenai kes culik.

"Pada masa sama, saya juga membaca kenyataan Ketua Polis Kelantan yang menafikan perkara itu, namun bagi saya tidak salah sekiranya kita menitikberatkan isu ini.

"Sejak minggu lalu, saya sentiasa menasihati anak yang berada di tahun empat supaya menunggu dalam perkarangan sekolah sehingga saya sampai," katanya ditemui hari ini.

Hafizul Ahmad, 38, pula memaklumkan, sebelum ini dia akan mengambil anak lewat 15 minit bagi mengelak kesesakan di luar sekolah.

"Sejak tular dakwaan kes culik, saya sanggup menunggu anak lebih awal kerana mahu memastikan keselamatannya," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, polis negeri ini memohon kerjasama masyarakat, khususnya warga maya, supaya menghentikan perbuatan menyebar dakwaan kes culik sehingga menimbulkan ketakutan dalam kalangan orang ramai.

Katanya, dakwaan cubaan membawa lari atau menculik kanak-kanak di perkarangan sekolah yang berlegar-legar di laman media sosial sejak kebelakangan ini adalah tidak berdasas.